



SIDANG MUDA PULAU PINANG

TAHUN 2025



**DEMOKRASI
AKTIVISME
GOVERNAN**

Diterbitkan oleh :
Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC)

SIDANG MUDA PULAU PINANG TAHUN 2025

Diterbitkan oleh:

PYDC Strategies Sdn Bhd

8-03-09, Sunny Point Complex, Kampung Batu Uban

11700 Gelugor, Pulau Pinang

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk, dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain untuk tujuan ciplak dan cetak rompak.





SIDANG MUDA PULAU PINANG TAHUN 2025

PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG

DEMOKRASI · AKTIVISME · GOVERNAN



PYDC



SIDANG MUDA
PULAU PINANG

SIDANG MUDA PULAU PINANG

DEMOKRASI AKTIVISME GOVERNANCE

<https://sidang>



KANDUNGAN

PERUTUSAN 1

01

Pengenalan 7

02

Proses & Perjalanan Sidang Muda 2025 13

Pelancaran & Pendaftaran 21

Proses Temuduga Ahli Sidang Muda 23

Pengumuman Ahli Sidang Muda 2025 25

Sembang Santai MADANI bersama Alumni Sidang Muda 26

Lawatan Sidang DUN Penggal 1/2025 27

Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 29

A Day as A City Councillor MBPP 31

Lawatan ke Parlimen Malaysia 33

Y-Lead: Youth in Leadership 35

Bengkel Pemantapan Sidang Muda 2025 37

Perjumpaan bersama Ketua Menteri & EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang 39

Turun Padang bersama ADUN 41

Persidangan Sidang Muda 2025 43

03

Barisan Ahli Sidang Muda 2025 47

04

Penghargaan 65

PERUTUSAN

KETUA MENTERI PULAU PINANG

Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 yang telah terpilih serta berani menyahut amanah sebagai wakil suara generasi muda negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya, penyertaan saudara dan saudari dalam Sidang Muda ini bukan sahaja mencerminkan keberanian dan komitmen belia, malah menzahirkan kesediaan generasi muda untuk terlibat secara aktif dalam proses demokrasi, kepimpinan serta perbincangan dasar awam di peringkat negeri.

Sidang Muda Pulau Pinang yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri merupakan satu inisiatif strategik yang berfungsi sebagai platform pembelajaran, pembangunan kepimpinan dan libat urus bermakna. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, para belia diberi pendedahan secara langsung mengenai proses legislatif, mekanisme tadbir urus, peranan institusi perundangan serta kepentingan prinsip semak dan imbang dalam sistem demokrasi. Pada masa sama, platform ini turut membuka ruang kepada golongan muda untuk menyuarakan pandangan, mengemukakan idea serta merangka cadangan dasar yang konstruktif, berpaksikan realiti semasa dan keperluan masa hadapan.

Selaras itu, aspirasi Kerajaan Madani yang menekankan nilai kemampanan, kesejahteraan, ihsan, keterangkuman, daya cipta serta keyakinan, menjadikan penglibatan belia dalam proses pembuatan dasar sebagai suatu keutamaan. Hal ini demikian kerana, generasi muda masa kini berdepan pelbagai cabaran yang semakin kompleks, termasuk peluang pekerjaan berkualiti, kos sara hidup meningkat, akses kepada perumahan mampu milik, sistem pendidikan dan latihan yang relevan dengan keperluan industri, kesihatan mental, keterangkuman sosial, perubahan iklim serta pendigitalan ekonomi. Oleh itu, isu-isu ini menuntut pendekatan dasar yang lebih progresif, berasaskan data serta berorientasikan penyelesaian jangka panjang.

Menyedari hakikat tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengiktiraf belia sebagai rakan pembangunan dan aset strategik negeri. Dalam landskap global yang semakin mencabar, serta dipacu oleh transformasi teknologi serta peralihan ke arah ekonomi hijau, suara dan penyertaan belia bukan sahaja relevan, bahkan amat diperlukan bagi memastikan dasar yang digubal kekal inklusif, lestari serta berorientasikan masa hadapan. Justeru, Sidang Muda Pulau Pinang 2025 diharapkan dapat menjadi medan terbaik untuk melahirkan barisan pemimpin muda berfikiran kritis, berintegriti tinggi, berwawasan serta berupaya menterjemahkan idea kepada cadangan yang praktikal dan boleh dilaksanakan.

Sehubungan itu, saya berharap agar semua Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 dapat memanfaatkan sepenuhnya platform ini dengan berdiskusi secara matang, menyampaikan pandangan secara berhemah, menghormati perbezaan pendapat serta mengamalkan nilai kepimpinan yang beretika dan bertanggungjawab. Dalam konteks ini, segala resolusi, cadangan dan dapatan yang dihasilkan wajar dijadikan sebagai input bernilai kepada Kerajaan Negeri dalam usaha memperkukuh dasar, program serta pendekatan tadbir urus lebih responsif serta mesra belia, selaras dengan semangat Malaysia MADANI dan aspirasi Visi Penang2030.

Sebagai penutup kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Sidang Muda Pulau Pinang 2025, khususnya barisan urus setia, rakan strategik serta para peserta. Semoga dengan komitmen berterusan ini, Sidang Muda terus diperkasa sebagai wadah pembinaan kepimpinan belia dan menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi muda yang progresif, berdaya saing, berwawasan serta bersedia memacu Pulau Pinang ke arah masa depan yang lebih gemilang, inklusif dan mampan.

Sekian, terima kasih.

YAB Tuan Chow Kon Yeow

**Ketua Menteri
Negeri Pulau Pinang**



PERUTUSAN

YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) atas kejayaan menganjurkan Sidang Muda Pulau Pinang 2025 serta menerbitkan Buku Sidang Muda Pulau Pinang 2025 sebagai dokumentasi rasmi yang bernilai dan bermakna. Penerbitan ini bukan sahaja mencerminkan kematangan pemikiran belia, malah menjadi rujukan penting kepada wacana pembangunan belia dan demokrasi berparlimen di negeri ini.

Golongan belia merupakan pelapis kepimpinan masa hadapan yang akan mencorakkan hala tuju negeri dan negara. Dalam landskap politik dan sosial yang semakin dinamik, keterlibatan belia dalam proses demokrasi perlu diperkasa melalui pendedahan awal, pendidikan sivik dan platform yang memberi ruang kepada suara serta pandangan mereka. Sidang Muda Pulau Pinang berperanan sebagai medan latihan yang signifikan untuk membentuk kefahaman tentang proses persidangan, perbahasan, penggubalan resolusi serta etika dan tatacara Dewan Undangan Negeri.



YB Dato' Seri Law Choo Kiang
Yang di-Pertua Dewan
Undangan Negeri Pulau
Pinang

Sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya melihat Sidang Muda ini sebagai satu inisiatif yang selari dengan aspirasi untuk melahirkan generasi pemimpin muda yang berpengetahuan, berintegriti, berfikir secara kritis serta menghormati prinsip demokrasi dan kedaulatan undang-undang. Isu-isu yang diketengahkan oleh Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 mencerminkan keprihatinan belia terhadap cabaran semasa seperti kebajikan rakyat, peluang ekonomi, pendidikan, kesejahteraan sosial, kelestarian alam sekitar serta masa depan negeri Pulau Pinang secara keseluruhan.

Saya percaya pandangan, hujahan dan cadangan yang dirakamkan dalam Buku Sidang Muda Pulau Pinang 2025 ini mampu menjadi sumbangan bermakna kepada pihak berkepentingan, khususnya dalam memahami aspirasi generasi muda dan memperkayakan proses perumusan dasar awam yang lebih inklusif dan progresif.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada semua Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 serta pihak penganjur atas komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan. Semoga Sidang Muda Pulau Pinang terus menjadi platform berwibawa dalam membina kepimpinan belia dan menyemai budaya demokrasi yang sihat demi kemakmuran Pulau Pinang dan negara.

Sekian, terima kasih.



PERUTUSAN

EXCO BELIA, SUKAN DAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

Golongan belia merupakan nadi kepada kelangsungan dan kemajuan sesebuah negeri. Sidang Muda Pulau Pinang 2025 membuktikan bahawa belia Pulau Pinang bukan sekadar pemerhati, tetapi bersedia tampil dengan idea, keberanian dan pemikiran kritikal dalam membincangkan hala tuju negeri. Buku Sidang Muda Pulau Pinang 2025 ini menjadi manifestasi komitmen tersebut.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030, Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk memperkukuh penyertaan belia dalam proses pembangunan negeri secara inklusif dan mampan. Sidang Muda Pulau Pinang merupakan salah satu inisiatif strategik yang menyediakan platform kepada golongan muda untuk memahami proses pembuatan dasar, mengasah keupayaan kepimpinan, serta menyumbang idea yang bernas dan berimpak tinggi kepada Kerajaan Negeri.

Sebagai EXCO yang bertanggungjawab terhadap portfolio Belia, Sukan dan Kesihatan, saya melihat peranan belia masa kini bukan sekadar sebagai penerima dasar, malah sebagai rakan strategik Kerajaan dalam menangani pelbagai cabaran semasa, termasuk isu kesejahteraan mental, pengamalan gaya hidup sihat, pembangunan bakat serta penglibatan sosial. Penyertaan aktif belia dalam Sidang Muda Pulau Pinang jelas mencerminkan kesediaan generasi muda untuk terlibat secara matang, kritikal dan bertanggungjawab dalam wacana awam.

Saya percaya pengalaman berpersidangan, perbincangan serta penghasilan resolusi yang dirakamkan dalam Buku Sidang Muda Pulau Pinang 2025 ini akan menjadi bekalan penting kepada para peserta untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan pembangunan negeri, sama ada melalui kepimpinan komuniti, pertubuhan belia, sektor profesional mahupun penglibatan dalam pentadbiran awam pada masa hadapan.

Akhir kata, saya menyeru agar belia Pulau Pinang terus memanfaatkan ruang dan peluang yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk tampil sebagai generasi yang berdaya saing, berintegriti serta prihatin terhadap kesejahteraan bersama. Semoga Sidang Muda Pulau Pinang terus menjadi platform yang berkesan dalam melahirkan barisan pemimpin muda yang mampu menyumbang secara bermakna kepada kemajuan negeri dan negara.

Sekian, terima kasih.

YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen
EXCO Belia, Sukan & Kesihatan
Negeri Pulau Pinang



PERUTUSAN

PENGERUSI JAWATANKUASA PETUGAS SIDANG MUDA PULAU PINANG TAHUN 2025

Sidang Muda Pulau Pinang 2025 menandakan fasa baharu penglibatan belia yang lebih tersusun dan berimpak. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Petugas, saya berbangga dengan penambahbaikan penganjuran tahun ini yang selari dengan keperluan semasa belia.

Sidang Muda Pulau Pinang 2025 direka semula dengan modul yang lebih padat dan berteraskan kefahaman dasar. Para peserta dibimbing memahami asas demokrasi, tatacara DUN serta kemahiran perbahasan dan penyediaan usul, bagi membentuk pemikiran yang kritikal, matang dan berfakta.

Penekanan juga diberikan kepada pembinaan disiplin persidangan, kepimpinan beretika dan kerja berpasukan, agar Ahli Sidang Muda bukan sahaja mampu bersuara dengan berani, tetapi juga bertanggungjawab dalam menyampaikan hujahan dan cadangan. Reformasi ini telah berjaya meningkatkan kualiti perbahasan serta kematangan resolusi yang dibentangkan sepanjang Sidang Muda Pulau Pinang 2025.

Saya percaya kejayaan penganjuran tahun ini adalah hasil komitmen tinggi semua pihak, khususnya Jawatankuasa Pelaksana, urus setia dan para peserta yang menunjukkan kesungguhan untuk belajar, menyesuaikan diri dan menyumbang secara aktif. Segala dapatan, pandangan dan resolusi yang dirakamkan dalam Buku Sidang Muda Pulau Pinang 2025 ini mencerminkan suara belia yang lebih bersedia, berpengetahuan dan berpaksikan solusi.

Akhir kata, saya berharap reformasi yang diperkenalkan dalam Sidang Muda Pulau Pinang 2025 ini dapat menjadi asas kukuh untuk penganjuran pada masa hadapan, sekali gus memastikan Sidang Muda terus relevan sebagai platform pembangunan kepimpinan belia dan latihan demokrasi yang berkesan di negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam
ADUN Batu Uban



SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2025



PENGENALAN

AHLI KAWASAN

01



AHLI KAWASAN
PINANG TUNGGAL



PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) ditubuhkan pada 14 Mac 2012 dan merupakan sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang membantu merealisasikan visi secara kolektif untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah masyarakat maju dan progresif melalui pembangunan belia.

Ini bertujuan untuk membangunkan golongan muda secara holistik, bekerjasama dengan belia untuk memperkuat mereka dari segi sosial dan perkembangan ekonomi, untuk membolehkan belia melaksanakan pengaruh mereka, menemui suara, dan kedudukan mereka dalam masyarakat dan mencapai potensi penuh dalam kehidupan.

VISI

Ke arah melahirkan belia yang berintegriti, berkebolehpasaran dan kompeten.



MISI

Untuk mendidik, membangun dan memperkasakan belia ke arah pembangunan holistik.



Satu ungkapan yang mempromosikan sokongan, perhatian, dan tindakan yang ditumpukan kepada golongan belia atau generasi muda dalam masyarakat. Ia merujuk kepada kepentingan untuk memberikan peluang, platform, dan sumber daya kepada belia agar mereka dapat berkembang, menyumbang kepada masyarakat, dan memastikan masa depan yang lebih cerah. Slogan ini menekankan komitmen untuk memberikan perhatian kepada keperluan dan aspirasi generasi muda dalam usaha memperkukuhkan masyarakat dan negara.

Untuk
**Belia
Kita!**

A hand-drawn slogan in black ink on a yellow background. It says 'Untuk Belia Kita!' with a red heart next to 'Belia'. The text is written in a casual, expressive style with a thick brushstroke underline.

JAWATANKUASA PETUGAS SIDANG MUDA PULAU PINANG 2025



PENAUNG:

Yang Berhormat
DATO' SERI LAW CHOO KIANG
YANG DI-PERTUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG



PENASIHAT:

Yang Berhormat
DANIEL GOOI ZI SEN
EXCO BELIA, SUKAN DAN KESIHATAN PULAU PINANG
PENGURUSI LEMBAGA PENGARAH PYDC



PENGERUSI:

Yang Berhormat
KUMARESAN A/L ARAMUGAM
ADUN BATU UBAN
AHLI LEMBAGA PENGARAH PYDC

AHLI- AHLI JAWATANKUASA:



Yang Berhormat
PHEE SYN TZE
ADUN SUNGAI PUYU



Encik
**AHMAD ZAKI SHAH
SHAH HEADAN**
PEGAWAI PENYELARAS KADUN TELUK BAHANG
AHLI LEMBAGA PENGARAH PYDC



Encik
CHONG WEI HOONG
AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
AHLI LEMBAGA PENGARAH PYDC



Encik
**MUHAMAD KHAIRUL
MOHD ALI**
AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
AHLI LEMBAGA PENGARAH PYDC



Cik
NATRAH ESA
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA



Encik
**MUHAMMAD ZAKWAN
MUSTAFA KAMAL**
AHLI LEMBAGA PENGARAH PYDC

SIDANG MUDA

Sidang Muda ialah program tahunan anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) sejak tahun 2015 yang merupakan satu siri latihan dan bengkel pendemokrasian yang bertujuan untuk menekankan nilai kesedaran sivik, demokrasi dan kewarganegaraan dalam kalangan belia.

Inisiatif ini berakar sejak tahun 2010 melalui program “Parlimen Muda” yang digerakkan oleh belia dengan kerjasama SUARAM Pulau Pinang serta sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebelum dijenamakan semula sebagai Sidang Muda. Sehingga kini, lebih 500 alumni telah dilahirkan, dengan sebahagian daripada mereka aktif berbakti kepada masyarakat sebagai aktivis, Ahli Majlis dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Matlamat utama Sidang Muda adalah untuk melahirkan generasi muda yang celik politik, memahami peranan dan tanggungjawab dalam sebuah negara demokrasi, serta aktif dalam politik dan hal ehwal pentadbiran negara. Sebagai platform bebas parti, Sidang Muda menumpukan pembentukan pemikiran kritikal dan kepimpinan beretika, melangkaui kepentingan kepartian semata-mata.

Walaupun berpangkalan di Pulau Pinang, Sidang Muda melibatkan penyertaan belia dari seluruh negara dan selari dengan Tema C Visi Penang2030, iaitu “Memperkasa Rakyat Bagi Meningkatkan Penyertaan Awam”. Program ini menyokong usaha kerajaan negeri dalam menggalakkan penglibatan belia dalam isu kemasyarakatan serta memperkukuh peranan belia sebagai pemacu reformasi dan demokrasi negara.





2015



2016



2017



2018



2019



2020



2021



2022



2022/23



2024



2025

SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2025



PROSES DAN PERJ SIDANG MUDA 2025



02

DALANAN
25



19 Feb 2025 - 30 Mac 2025

Pelancaran &
Pendaftaran

1

2

Proses Temuduga
Ahli Sidang Muda

26 April 2025

9 Mei 2025

Pengumuman Ahli
Sidang Muda 2025

3

GARIS SIDANG MUDA 2025

15

Persidangan
Sidang Muda 2025
23 November 2025

Kompilasi &
Semakan Usul
17 Oktober 2025
- 7 November 2025

14

Turun Padang
bersama ADUN


11, 12 & 19 Okt & 1 Nov 2025

12

Perjumpaan bersama
EXCO Kerajaan Negeri
Oktober 2025

13

MASA PULAU PINANG 25



GARIS MASA SIDANG MUDA PULAU PINANG 2025

Pelancaran & Pendaftaran

19 Feb 2025 - 30 Mac 2025



Pengumuman Ahli Sidang Muda 2025

9 Mei 2025



Lawatan Sidang DUN Penggag 1/2025

21 Mei 2025



A Day as A City Councillor MBPP

22 Jun 2025



Proses Temuduga Ahli Sidang Muda

26 April 2025



Sembang Santai MADANI bersama Alumni Sidang Muda

17 Mei 2025



Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Sidang Muda

1 Jun 2025





RIZLIAN

AN
OTA

SAN
BUN

AHLI AWASAN
RTAM





Lawatan ke Parlimen Malaysia

4 Ogos 2025

Y-Lead: Youth in Leadership

16 & 17 Ogos 2025



Bengkel Pemantapan Sidang Muda 2025

27 & 28 September 2025



Penulisan Usul Persidangan

28 September - 17 Oktober 2025



Perjumpaan bersama EXCO Kerajaan Negeri

Oktober 2025



Turun Padang bersama ADUN

Oktober 2025



Kompilasi & Semakan Usul

17 Oktober 2025 - 7 November 2025



Persidangan Sidang Muda Pulau Pinang 2025

23 November 2025



PELANCARAN & PENDAFTARAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2025

19 Februari 2025
**Bilik Mesyuarat Nilam, Tingkat 53, KOMTAR,
Pulau Pinang**

Program Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah dilancarkan secara rasmi oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) pada 19 Februari 2025 bertempat di KOMTAR, Pulau Pinang.

Menurut EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, YB Daniel Gooi Zi Sen, program edisi ke-11 ini telah melahirkan seramai 263 alumni sejak diperkenalkan pada tahun 2015 dan terus berperanan sebagai platform penting dalam membentuk kepimpinan belia.

Program ini terbuka kepada belia berumur 18 hingga 35 tahun yang menetap, belajar atau bekerja di Pulau Pinang serta mempunyai penguasaan Bahasa Malaysia.





Sekitar sidang media pelancaran program Sidang Muda 2025 yang berlangsung di Bilik Nilam, Tingkat 53 KOMTAR. Dirasmikan oleh Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan & Kesihatan Pulau Pinang (tengah), dan turut dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Petugas Sidang Muda Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kumaresan A/L Aramugam, ADUN Batu Uban (empat dari kanan) serta ahli-ahli lembaga pengarah Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dan rakan kerjasama daripada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Dif-dif kehormat bergambar bersama bahan promosi permohonan ahli Sidang Muda bagi tahun 2025.



SIDANG MUDA 2025

DEMOKRASI • AKTIVISME • GOVERNAN



AHLI SIDANG MUDA 2025

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia
- Berasal / bermastautin / bekerja / belajar di Pulau Pinang
- Had umur 18 hingga 35 tahun
- Fasih berbahasa Melayu
- Tidak pernah menyertai Sidang Muda Pulau Pinang

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN 30 MAC 2025

PENDAFTARAN KINI DIBUKA



DAFTAR SEKARANG!



disokong oleh :







#SIDANGMUDA2025

#BELIABANGKIT

SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2025



PROSES TEMU DUGA CALON AHLI SIDANG MUDA PULAU PINANG 2025

26 April 2025
Pejabat PYDC, Sunny Point Complex,
Kg Batu Uban

Sesi temu duga calon Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah berjaya dilaksanakan pada 26 April 2025 dengan penyertaan seramai 132 orang belia daripada pelbagai latar belakang. Buat julung kalinya, sesi temu duga ini diperkenalkan sebagai sebahagian daripada proses pemilihan rasmi bagi memastikan calon yang terpilih benar-benar berkelayakan, berkomitmen dan bersedia menyumbang secara aktif sepanjang pelaksanaan program Sidang Muda Pulau Pinang 2025.





Temu duga calon ahli Sidang Muda 2025 sesi pagi dikendalikan oleh Yang Berhormat Kumaresan A/L Aramugam, Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Muda Pulau Pinang bersama-sama Encik Ahmad Zaki Shah Shah Headan dan Cik Nadtrah Esa sebagai ahli jawatankuasa.

Sesi ini telah dikendalikan oleh barisan panel yang berpengalaman dan berwibawa, terdiri daripada Yang Berhormat A. Kumaresan, Encik Khairul Ali, Encik Chong Wei Hoong, Encik Ahmad Zaki Shah dan Cik Natrah Esa. Melalui sesi penilaian yang bersifat dua hala dan konstruktif, para calon dinilai dari segi kefahaman terhadap isu semasa, keupayaan berfikir secara kritikal, kemahiran komunikasi serta aspirasi mereka terhadap peranan belia dalam sistem demokrasi dan pembangunan negeri.



PENGUMUMAN AHLI SIDANG MUDA PULAU PINANG 2025

09 Mei 2025

Pemilihan ini merupakan hasil daripada proses saringan dan penilaian yang teliti, termasuk sesi temu duga yang menilai tahap kefahaman, komitmen serta keupayaan calon untuk terlibat secara aktif dan bertanggungjawab sepanjang pelaksanaan program. Kejayaan ini diharapkan akan menjadi titik permulaan kepada penglibatan yang lebih aktif dalam kepimpinan belia, pembangunan masyarakat serta pengukuhan budaya demokrasi di negeri Pulau Pinang.

**SIDANG MUDA
PULAU PINANG 2025**
BERKORABLI • AKTIFITIBU • GUYUSABAN

AHLI SIDANG MUDA 2025

MOHAMAD NAQUIDDIN MOHD NOOR
JOSHUA A/ L DOMNIC
MOHD SYARULL AZLAN BIN YAACUB
SAIFUL MUAZ BIN SAIFUL REZA
MOHAMAD IRFAN AFIQ BIN MOHAMAD IZHAR
TAN ZHE CONG
CHEAH SENG SING
MUHAMMAD IRFAN BIN NAZRI
AZFAR AL HAFIZ BIN AZMAN
JOSEPH LIM ZHI XUN

@sidangmudapp www.sidangmuda.org.my

**SIDANG MUDA
PULAU PINANG 2025**
BERKORABLI • AKTIFITIBU • GUYUSABAN

AHLI SIDANG MUDA 2025

MUHAMMAD IZZAIMAN NABIHAN BIN A.MAJID
YAW YI CHIEN
MUHAMMAD FARIS BIN MOHD SALMI
SITI SARAH BINTI JAMIL
HAFIZ BIN ABDULLAH SIMA
VIKNEHWARY A/P JOHN DE CRUZ
MOHAMAD AKASHAH BIN MOHD SHUKOR
CHAN TING KAI
MUHAMMAD SHAHRULL IRFAN BIN MD SHUKRI
MUHAMMAD AIDIL ASRI BIN IBRAHIM

@sidangmudapp www.sidangmuda.org.my

**SIDANG MUDA
PULAU PINANG 2025**
BERKORABLI • AKTIFITIBU • GUYUSABAN

AHLI SIDANG MUDA 2025

MUHAMMAD AFIQ BIN ABDUL RAOF
MUHAMMAD AIREY BIN MOHD RAYME
SHIVES MUNISWARAN
SASIREKA LAGAVAMBULIAN
SAW SHI YANG
KHOO WING KEAT
MUHAMMAD AMIRUL ASHRAF BIN HAMID SULTAN
ONG PING YI
MUHAMMAD FAIZUL NAZRUL BIN HAMZAH
NUR MUHAMMAD IMANUDDIN BIN CHE NOOR

@sidangmudapp www.sidangmuda.org.my

**SIDANG MUDA
PULAU PINANG 2025**
BERKORABLI • AKTIFITIBU • GUYUSABAN

AHLI SIDANG MUDA 2025

MUHAMMAD AFIQ BIN YUSUFF
TAN LIT VOON
HANIS AMEERA BINTI HAFIZ
BAAVATHARANI A/P CHANDRAN
KARMA HAKIM BIN LUK'MAN
LIM BOON KANG
MOHAMAD ZULHADZREY BIN MOHAMAD FAHIMI
KOVALAN A/L PERBU
MUHAMMAD NURHAKIM BIN ABU ZAZ
MUHAMAD RIDZUAN BIN MUHAMAD YUSOP

@sidangmudapp www.sidangmuda.org.my

Pemilihan ini bukan sekadar satu pengiktirafan, malah merupakan satu amanah untuk membawa suara dan aspirasi belia secara libat diri dalam perbahasan serta penggubalan resolusi Sidang Muda Pulau Pinang 2025. Ahli Sidang Muda yang berjaya akan dimaklumkan secara rasmi melalui e-mel, dan diharapkan mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang ini sebagai platform pembinaan kepimpinan dan pengukuhan budaya demokrasi di negeri Pulau Pinang.



SEMBANG SANTAI MADANI BERSAMA ALUMNI SIDANG MUDA

17 Mei 2025
COEX, Hin Bus Depot

Program Sembang Santai MADANI Bersama Alumni Sidang Muda telah berjaya dianjurkan sempena Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2025 pada 17 dan 18 Mei 2025 di Hin Bus Depot. Program ini merupakan hasil kerjasama antara Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (JBSNPP), JBPP Sungai Pinang dan Komuniti MADANI East Jelutong, dengan penglibatan aktif alumni Sidang Muda sebagai moderator dan ahli panel.

Sesi perbincangan yang menampilkan lima orang alumni Sidang Muda ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran peserta yang memberangsangkan serta perkongsian yang bermanfaat dan berimpak. Program ini turut dirasmikan oleh YB Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang merangkap alumni Sidang Muda, sekali gus membuktikan peranan berterusan alumni dalam menyumbang kepada pembangunan kepimpinan belia dan pengukuhan wacana MADANI di negeri Pulau Pinang.



LAWATAN KE MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA BELAS

21 Mei 2025

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah diberi peluang untuk menghadiri dan menyaksikan secara langsung Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kelima Belas, sekali gus memberi pendedahan awal terhadap perjalanan dan tatacara persidangan rasmi di peringkat negeri. Lawatan ini membolehkan para Ahli Sidang Muda memahami secara lebih mendalam fungsi institusi legislatif, peranan Ahli Dewan Undangan Negeri serta proses perbahasan dan penggubalan dasar dalam suasana persidangan sebenar.

Pengalaman menyaksikan persidangan ini memberikan gambaran realistik mengenai suasana, disiplin serta etika persidangan yang perlu dipatuhi, sekali gus menjadi persediaan penting kepada ahli Sidang Muda sebelum mereka terlibat secara langsung dalam Persidangan Sidang Muda Pulau Pinang yang akan diadakan pada penghujung tahun. Pendedahan ini diharap dapat meningkatkan keyakinan, kefahaman dan tahap kesiapsiagaan ahli Sidang Muda dalam mengendalikan perbahasan serta menyampaikan pandangan secara berfakta dan beretika.

SIDANG MUDA PULAU PINANG 2025

Dalam kesempatan lawatan tersebut, YB Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, turut meluangkan masa untuk beramah mesra bersama ahli Sidang Muda serta berkongsi pandangan dan tip berkaitan penglibatan belia dalam persidangan, disiplin berhujah dan kepentingan memahami isu dasar. Perkongsian ini memberi suntikan motivasi serta inspirasi kepada ahli Sidang Muda untuk memanfaatkan sepenuhnya pengalaman yang diperoleh melalui program Sidang Muda Pulau Pinang 2025.



Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen berkesempatan berkongsi tips dan situasi sebenar di dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kepada Ahli Sidang Muda 2025.



MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI SIDANG MUDA 2025

1 Jun 2025
Auditorium A, KOMTAR

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah berlangsung dengan penuh istiadat di Auditorium A, KOMTAR, menandakan bermulanya secara rasmi pelaksanaan program Sidang Muda Pulau Pinang bagi tahun 2025. Seramai 40 orang belia terpilih dari pelbagai latar belakang telah menerima watikah pelantikan sebagai Ahli Sidang Muda, sekali gus menggalas tanggungjawab sebagai wakil suara belia negeri Pulau Pinang.



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, yang dalam ucapannya menegaskan peranan penting Sidang Muda sebagai medium pembinaan jati diri, pengukuhan semangat sivik serta peningkatan literasi demokrasi dalam kalangan belia. Turut memeriahkan majlis ialah kehadiran Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, ibu bapa para peserta, wakil-wakil agensi kerajaan, serta rakan strategik program.



Pelantikan ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menyediakan platform inklusif dan progresif bagi membentuk kepimpinan muda yang berwibawa, berpengetahuan serta berupaya menyumbang idea bernas dalam proses perbincangan dasar dan pembangunan negeri.

Kehadiran pelbagai pihak ini jelas mencerminkan sokongan padu terhadap usaha memperkasa penglibatan aktif belia dalam sistem demokrasi negara, sekali gus melahirkan generasi pemimpin masa hadapan yang bertanggungjawab, berintegriti dan berdaya saing.



Sekitar Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 yang dihadiri oleh dif-dif kehormat termasuk Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan & Kesihatan yang turut merasmikan majlis tersebut.

A DAY AS A CITY COUNCILLOR MBPP

22 Jun 2025

Town Hall MBPP, Padang Kota

Program A Day as A City Councillor MBPP merupakan salah satu inisiatif pendidikan sivik berimpak tinggi yang dianjurkan melalui kerjasama strategik antara Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dan Jawatankuasa Kecil Pendidikan Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), yang telah berlangsung di Dewan Bandaraya MBPP pada 22 Jun 2025. Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memperkukuh pemahaman belia terhadap struktur pentadbiran kerajaan tempatan serta peranan penting MBPP sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan memantau pembangunan bandar yang mampan. Program ini dirangka khusus untuk memberi pengalaman pembelajaran secara praktikal kepada Ahli-ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 melalui pendekatan pendedahan langsung dan interaksi bersama barisan pimpinan.



Sepanjang program berlangsung, ahli-ahli Sidang Muda telah diberi penerangan terperinci berkaitan fungsi, bidang kuasa serta tanggungjawab Ahli Majlis MBPP dalam menangani isu-isu kebersihan, perancangan bandar, pengurusan trafik, kesejahteraan komuniti dan pembangunan ekonomi setempat.

Para peserta turut didedahkan kepada proses membuat keputusan di peringkat pihak berkuasa tempatan, termasuk mekanisme mesyuarat Ahli Majlis, peranan jawatankuasa kecil, serta kepentingan penglibatan awam dalam memastikan dasar yang digubal bersifat inklusif dan responsif terhadap keperluan rakyat.





Program ini bukan sahaja memperkukuh literasi demokrasi dalam kalangan Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025, malah menjadi platform penting dalam membentuk kepimpinan belia yang berdaya saing, beretika dan bersedia menyumbang kepada pembangunan negeri serta negara pada masa hadapan.

Melalui sesi perbincangan dan simulasi, para belia berpeluang mengasah kemahiran berfikir secara kritis, menyuarakan pandangan serta memahami realiti cabaran yang dihadapi oleh pentadbiran bandar moden.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat H'ng Mooi Lye, EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang, yang dalam ucapannya menegaskan kepentingan pendidikan sivik dan pendedahan awal kepada sistem pentadbiran tempatan sebagai asas pembentukan pemimpin muda yang berintegriti dan berwawasan.



Ahli Sidang Muda 2025 berkesempatan melawat Intelligence Operations Centre (IOC) MBPP.

Majlis perasmian turut diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, serta Dato' Ir. Rajendran A/L P. Anthony, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, yang masing-masing menyatakan sokongan padu terhadap penglibatan aktif golongan belia dalam urus tadbir bandar dan proses demokrasi di peringkat akar umbi. Kehadiran barisan kepimpinan ini memberi suntikan motivasi kepada para peserta untuk terus memainkan peranan sebagai ejen perubahan dalam komuniti masing-masing.





Lawatan Delegasi Sidang Muda Pulau Pinang 2025 ke Parlimen Malaysia pada 4 Ogos 2025 merupakan salah satu pengisian utama program yang memberi nilai pendidikan demokrasi yang amat signifikan kepada para belia terlibat. Lawatan rasmi ini dianjurkan khusus bagi memberikan pendedahan secara langsung terhadap sistem demokrasi berparlimen dan proses perundangan negara, selaras dengan objektif Sidang Muda Pulau Pinang untuk melahirkan generasi belia yang celik politik, berpengetahuan serta memahami peranan institusi legislatif dalam tadbir urus negara. Delegasi Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah disambut dalam suasana penuh istiadat di bangunan Parlimen Malaysia, sekali gus mencerminkan pengiktirafan terhadap peranan belia sebagai rakan strategik dalam pembangunan demokrasi negara.



Lawatan dimulakan dengan sesi lawatan rasmi ke Dewan Negara dan Dewan Rakyat, di mana para peserta diberi taklimat mengenai fungsi, peranan serta perbezaan antara kedua-dua dewan dalam sistem Parlimen Malaysia. Kemuncak lawatan ini ialah peluang menyaksikan secara langsung persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung, sekali gus memberi gambaran sebenar tentang proses perbahasan, penggubalan undang-undang, peranan Speaker, serta interaksi antara Ahli-Ahli Parlimen dalam menyuarakan kepentingan rakyat.



LAWATAN KE PARLIMEN MALAYSIA

4 Ogos 2025

Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Lawatan diteruskan dengan Sesi Interaksi Bersama Ahli Parlimen yang diadakan dalam suasana mesra dan terbuka, bertujuan memberi ruang dialog dua hala antara pemimpin negara dan wakil belia. Sesi ini telah diserikan dengan ucapan pembukaan oleh Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen, yang menekankan kepentingan penglibatan belia dalam proses demokrasi serta peranan Sidang Muda sebagai platform latihan kepimpinan masa hadapan.



Dalam sesi ini, para peserta berpeluang berinteraksi dengan beberapa Ahli Parlimen, iaitu Yang Berhormat Syahredzan Johan (Ahli Parlimen Bangi), Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahrar Abdullah (Ahli Parlimen Paya Besar), Yang Berhormat Howard Lee (Ahli Parlimen Ipoh Timur), Yang Berhormat Dr. Mohammed Taufiq Johari (Ahli Parlimen Sungai Petani) dan Yang Berhormat Young Syefura Othman (Ahli Parlimen Bentong). Sesi ini turut disertakan dengan penyerahan cenderahati sebagai tanda penghargaan atas kesudian para Ahli Parlimen berkongsi pengalaman serta pandangan bersama Ahli Sidang Muda.

*Delegasi Sidang
Muda Pulau Pinang
2025 berkesempatan
bergambar di dalam
Dewan Negara.*



Y-LEAD: YOUTH IN LEADERSHIP

16 & 17 Ogos 2025
Penang Science Cluster, Wisma Yap Chor Ee

Program Y-Lead: Youth in Leadership 2025 telah berjaya dianjurkan selama dua hari yang penuh inspirasi dan pengisian bermakna, bertujuan memperkasa ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 sebagai pemimpin belia dan ejen perubahan masa hadapan. Program ini dirangka secara komprehensif untuk membina asas kepimpinan yang kukuh, berteraskan nilai integriti, kredibiliti serta keupayaan berfikir secara kritis dan strategik. Sepanjang dua hari pelaksanaan, para peserta didedahkan kepada pelbagai modul latihan kepimpinan yang merangkumi pembangunan sendiri, kemahiran komunikasi, kolaborasi berpasukan serta kefahaman mendalam terhadap peranan belia dalam pembangunan negara dan agenda global seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).



Sekitar hari kedua, Youth & Nation Forum bertemakan "The Role of Youth in National Development and the SDGs bersama para panel.

Hari pertama program, yang berlangsung pada 16 Ogos 2025 (Sabtu), memberi tumpuan kepada pembentukan asas kepimpinan peribadi dan gaya kepimpinan individu. Bermula dengan sesi pendaftaran dan taklimat program, peserta seterusnya mengikuti Leadership with Character Module bertajuk "Becoming a Leader with Integrity and Credibility" yang dikendalikan oleh Skyler Tan dari JCI Malaysia Senate. Sesi ini menekankan kepentingan nilai moral, etika dan kepercayaan dalam kepimpinan, khususnya dalam konteks belia yang bakal memimpin komuniti dan masyarakat.





Program diteruskan dengan Discovering Your Leadership Style, di mana peserta menjalani penilaian gaya kepimpinan untuk mengenal pasti kekuatan, potensi serta pendekatan kepimpinan masing-masing. Hari pertama diakhiri dengan Command & Connect, yang memfokuskan kepada pengukuhan kemahiran interaksi, komunikasi berkesan dan kerjasama dalam pasukan sebagai elemen penting kepimpinan moden.

Hari kedua, yang berlangsung pada 17 Ogos 2025 (Ahad), pula menumpukan kepada peranan belia dalam skala yang lebih luas, termasuk pembangunan negara dan agenda global. Program dimulakan dengan Youth & Nation Forum bertemakan "The Role of Youth in National Development and the SDGs", yang dikendalikan oleh moderator, Khou Jerome, Pengerusi Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW) dan alumni Ahli Sidang Muda Pulau Pinang bersama panel daripada mySDG Academy dan Selangor Youth Community (SAY).

Program Y-Lead: Youth in Leadership 2025 telah diakhiri dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil, yang turut menampilkan sesi perkongsian pengalaman oleh para peserta serta sesi fotografi sebagai kenangan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada para penceramah dan moderator yang telah berkongsi ilmu, pengalaman serta inspirasi,

Penghargaan turut diberikan kepada Penang Science Cluster dan U.S. Embassy Kuala Lumpur atas sokongan serta penyediaan lokasi yang kondusif sepanjang program berlangsung. Secara keseluruhannya, program ini berjaya menyemai keyakinan, memperluas jaringan serta membentuk Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 sebagai generasi belia yang bersedia untuk berfikir secara progresif, bertindak dengan berani dan memimpin perubahan dengan penuh integriti dan tujuan.

Agensi yang Terlibat

- 1 US Embassy
- 2 Penang Science Cluster (PSC)
- 3 mySDG Academy
- 4 IMPACT Malaysia
- 5 Selangor Youth Community (SAY)
- 6 JCI Malaysia Senate
- 7 GREW





BENGGKEL PEMANTAPAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2025

27 & 28 September 2025

Kompleks Belia & Sukan Negeri Pulau Pinang

Bengkel Pemantapan Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah berjaya dilaksanakan sebagai salah satu komponen teras dalam persediaan ahli-ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 sebelum berlangsungnya persidangan rasmi. Bengkel ini dirangka secara menyeluruh bagi memperkukuh kefahaman peserta terhadap struktur, proses dan etika persidangan legislatif, di samping membina keyakinan serta kemahiran praktikal yang diperlukan untuk menjalankan peranan sebagai ahli Sidang Muda dengan berkesan.

Sepanjang bengkel ini, para peserta telah didedahkan kepada simulasi sebenar suasana persidangan, sekali gus membolehkan mereka memahami peranan masing-masing dalam konteks sistem demokrasi berparlimen dan pentadbiran negeri.

Antara pengisian utama bengkel ialah Taklimat Tatacara Dewan dan Penulisan Usul yang disampaikan oleh Pegawai Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, yang memberi penerangan terperinci mengenai peraturan mesyuarat, etika perbahasan serta kaedah merangka usul yang tersusun, berfakta dan berimpak. Bengkel ini turut diperkaya dengan Sesi Perkongsian Kepimpinan oleh Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, yang menekankan kepentingan kepimpinan berintegriti, keberanian bersuara serta tanggungjawab belia dalam menyumbang kepada pembangunan negeri.



Selain itu, para peserta turut mengikuti sesi Teknik dan Tips Pengucapan Awam yang dikendalikan oleh Yang Berhormat Syerleena Abdul Rashid, Ahli Parlimen Bukit Bendera, dan Yang Berhormat Gooi Hsiao Leung, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tengah, yang memberi fokus kepada penguasaan komunikasi berkesan, keyakinan diri dan penyampaian hujah yang meyakinkan dalam dewan persidangan.

Bengkel ini turut merangkumi Simulasi Persidangan yang memberi peluang kepada ahli Sidang Muda mempraktikkan secara langsung tatacara bersidang, mengemukakan usul, berbahas serta membuat keputusan secara kolektif. EXCO dan Ketua Pembangkang Sidang Muda.

Di samping itu, Taklimat Pendidikan dan Simulasi Pengundian yang dikendalikan oleh Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang telah memberi pendedahan mendalam mengenai proses pilihan raya yang telus dan adil, termasuk peranan pengundi, kaedah pengundian serta kepentingan integriti dalam sistem demokrasi. Kemuncak bengkel ini ialah Pilihan Raya Pemilihan EXCO Sidang Muda Pulau Pinang 2025, di mana seramai 40 orang Ahli Sidang Muda telah melalui proses pengundian bagi memilih barisan kepimpinan, termasuk jawatan.



Ahli Sidang Muda 2025 sedang mengundi bagi memilih Barisan EXCO melalui pilihan raya pemilihan yang dikendalikan oleh Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang (SPR).



PERJUMPAAN BERSAMA KETUA MENTERI & EXCO KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Oktober 2025
KOMTAR, Pulau Pinang



Sepanjang sesi perjumpaan tersebut, para EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berkongsi pengalaman dan pandangan profesional khususnya berkaitan penulisan usul, penyediaan teks perbahasan serta pendekatan berhujah secara berfakta dan berstruktur dalam persidangan. Ahli-Ahli Sidang Muda diberikan bimbingan mengenai cara mengenal pasti isu sebenar di peringkat akar umbi, menterjemahkan isu tersebut kepada bentuk usul yang jelas dan praktikal, serta menyampaikan hujah dengan berkesan dan beretika.

Interaksi dua hala ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman teknikal peserta, malah meningkatkan keyakinan mereka untuk menyuarakan pandangan secara matang dan bertanggungjawab dalam persidangan Sidang Muda yang akan datang. Sesi perjumpaan berfokus ini turut membuka ruang kepada Ahli Sidang Muda untuk bertanya soalan secara langsung berkaitan portfolio masing-masing, termasuk aspek dasar, pelaksanaan program kerajaan serta peranan belia dalam menyokong agenda pembangunan negeri

Sesi Perjumpaan Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 bersama barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjadi antara pengisian terpenting dalam keseluruhan pelaksanaan program Sidang Muda 2025. Ahli-Ahli Sidang Muda telah berjaya mengadakan mesyuarat dan perbincangan secara langsung bersama lapan (8) orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) mengikut portfolio masing-masing, dengan tujuan mendapatkan input, panduan serta tunjuk ajar berkaitan fungsi pentadbiran kerajaan negeri. Sesi ini memberi peluang kepada para peserta memahami secara lebih mendalam skop tugas, cabaran serta tanggungjawab EXCO dalam merangka dan melaksanakan dasar-dasar negeri yang memberi kesan langsung kepada rakyat.





Sebagai pengisian sampingan yang melengkapkan keseluruhan pengalaman pembelajaran, Ahli-Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 turut berpeluang mengadakan sesi perjumpaan bersama Yang Amat Berhormat Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Sesi ini memberi ruang kepada para peserta untuk mendengar secara langsung perkongsian mengenai hala tuju, cabaran dan keutamaan pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di samping menyemai semangat kepimpinan dan tanggungjawab dalam diri generasi muda.



Secara keseluruhannya, gabungan sesi perjumpaan bersama barisan EXCO dan Ketua Menteri ini telah memperkukuh persediaan Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 dari segi ilmu, kefahaman dasar serta keyakinan untuk memainkan peranan sebagai wakil suara belia yang berwibawa dan berinformasi.





YB Joshua Woo Sze Zeng, ADUN Pulau Tikus memberi penerangan tentang taman awam Gurney Bay yang telah disiapkan untuk kegunaan riadah orang awam.

Sesi Turun Padang Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah dilaksanakan sebagai salah satu pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman bagi memberi pendedahan langsung kepada Ahli-Ahli Sidang Muda mengenai realiti tugas dan tanggungjawab seorang wakil rakyat di peringkat akar umbi. Melalui sesi ini, para peserta berpeluang melihat sendiri bagaimana hubungan erat antara wakil rakyat dan komuniti setempat memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta keberkesanan pelaksanaan dasar.

Pendekatan turun padang ini bukan sahaja membuka mata para belia terhadap cabaran sebenar yang dihadapi oleh wakil rakyat, malah menyemai kefahaman tentang kepentingan kepimpinan yang berjiwa komuniti dan berpaksikan khidmat kepada masyarakat.



Ahli Sidang Muda turut berkesempatan untuk turun padang bersama Yang Berhormat Kumaresan A/L Aramugam di kawasan Batu Uban. Mereka telah terlibat dalam majlis penyerahan bantuan sempena sambutan Deepavali kepada penduduk setempat. Ini telah memberi mereka satu pengalaman yang amat baik untuk memahami tugas seorang wakil rakyat di kawasan masing-masing.

Tidak dilupakan juga, Ahli Sidang Muda berkesempatan untuk menjalani sesi turun padang bersama Yang Berhormat Gooi Hsiao Leung, ADUN Bukit Tengah semasa Karnival Bukit Tengah. Pengalaman merasai bagaimana sebuah program berskala sederhana besar dikendalikan di kawasan seseorang ADUN. Pelbagai perkongsian telah diberikan oleh YB Gooi Hsiao Leung kepada ahli-ahli Sidang Muda terutamanya tips penulisan usul.



SESI TURUN PADANG BERSAMA ADUN

Oktober 2025

Sesi turun padang bersama Yang Berhormat Connie Tan Hooi Peng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, telah berlangsung dalam suasana santai namun penuh bermakna. Ahli-Ahli Sidang Muda diberi peluang berinteraksi secara langsung dengan komuniti setempat serta ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) melalui pelbagai aktiviti komuniti yang mengeratkan hubungan dan membina kefahaman bersama.

Aktiviti riadah seperti permainan pickleball dan Ground Golf Tomari yang diadakan di Japanese Garden bukan sahaja memberi pengalaman baharu kepada para peserta, malah mencerminkan pendekatan inklusif wakil rakyat dalam mendekati masyarakat pelbagai lapisan umur dan latar belakang. Melalui sesi ini, para peserta dapat memahami bagaimana pendekatan santai dan mesra komuniti mampu memperkukuh hubungan antara pemimpin dan rakyat.



Selain itu, ahli-ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025 turut menyertai sesi turun padang bersama Yang Berhormat Joshua Woo Sze Zeng, ADUN Pulau Tikus, yang dikendalikan sendiri oleh beliau dengan pengisian yang padat dan informatif. Lawatan dimulakan dengan kunjungan ke kawasan rekreasi awam Gurney Bay, yang memberi pendedahan kepada peserta mengenai usaha pembangunan dan pengurusan ruang awam sebagai aset kesejahteraan rakyat.

Sesi ini diteruskan dengan lawatan ke Kampung Bagan Jermal dan Pasar Awam Pulau Tikus, di mana para peserta dapat melihat secara dekat realiti kehidupan masyarakat setempat, isu-isu tempatan serta peranan wakil rakyat dalam menyeimbangkan pembangunan bandar dengan keperluan masyarakat.

Secara keseluruhannya, keempat-empat sesi turun padang ini telah memberikan pengalaman pembelajaran yang amat berharga kepada Ahli-Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025. Interaksi secara langsung bersama wakil rakyat dan komuniti setempat telah memperkukuh pemahaman peserta mengenai kepimpinan berasaskan khidmat, kepekaan terhadap isu rakyat serta kepentingan pendekatan turun padang dalam tadbir urus yang berkesan.

PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2025

23 November 2025
Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Persidangan Sidang Muda Pulau Pinang 2025 turut mencerminkan perjalanan persidangan serupa dengan persidangan DUN yang sebenar supaya para Ahli Sidang Muda berpeluang merasai proses penggubalan dasar di peringkat Negeri dengan lebih tepat dan realistik.

Persidangan Sidang Muda tahun ini telah dibahagikan kepada 3 sesi, iaitu Sesi Perbahasan, Sesi Penggulangan dan Sesi Perbahasan Usul. Persidangan tersebut dipengerusikan oleh YB Dato' Azrul Mahathir Bin Aziz, Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.



Persidangan berakhir dengan Majlis Penutupan yang disempurnakan oleh YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan & Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Persidangan Sidang Muda kali ini merekodkan kehadiran seramai 40 Ahli Sidang Muda, yang terdiri daripada 11 orang EXCO, 11 Pembangkang dan 18 Backbencher.

Objektif

- a Meningkatkan kerjasama dan persefahaman antara komuniti belia dengan agensi kerajaan yang berkaitan baik di peringkat kerajaan tempatan atau kerajaan negeri.
- b Mendedahkan belia dengan perjalanan Dewan Undangan Negeri;
- c Mendedahkan belia dengan proses penggubalan undang-undang dan pemahaman tentang sistem pentadbiran kerajaan;
- d Mendapatkan pendapat belia untuk pembentukan polisi negeri Pulau Pinang;
- e Meningkatkan penyertaan belia dalam proses pembuatan keputusan pihak kerajaan negeri Pulau Pinang.



**PERSIDANGAN
SIDANG MUDA
PULAU PINANG 2025**

DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG
9:30 AM - 6:00 PM

**23
NOV
2025**

LIVE
SIDANG MUDA
PULAU PINANG

Ditakong oleh



Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan & Kesihatan Pulau Pinang sedang memberi ucapan perasmian penutup Persidangan Sidang Muda 2025.

Perutusan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Persidangan Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah melabuhkan tirainya dengan jayanya, menandakan kemuncak kepada keseluruhan pelaksanaan program Sidang Muda yang memasuki tahun ke-11 penganjuran oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC).

Program berprestij ini terus mendapat sambutan menggalakkan apabila seramai 132 orang belia telah menyertai sesi temu duga, sekali gus mencerminkan peningkatan minat dan keyakinan golongan muda terhadap platform kepimpinan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Persidangan ini bukan sekadar simbolik, sebaliknya menjadi medan sebenar bagi belia mempraktikkan peranan sebagai penggubal idea, pembahas dasar dan wakil suara rakyat dalam suasana yang menepati amalan Dewan Undangan Negeri.

Kejayaan penganjuran ini mengukuhkan lagi kedudukan Sidang Muda Pulau Pinang sebagai salah satu inisiatif pembangunan kepimpinan belia yang paling konsisten dan berimpak di peringkat negeri.

Sesi Perbincangan

Sesi Perbincangan Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah dipengerusikan dengan penuh tertib dan profesional oleh YB Dato' Azrul Mahathir bin Aziz, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, yang berjaya mengemudi perjalanan persidangan dengan berwibawa serta berlandaskan peraturan mesyuarat dewan. Sepanjang sesi ini, ahli-ahli Sidang Muda menunjukkan tahap disiplin, kematangan berfikir dan keberanian berhujah yang membanggakan, sejajar dengan standard persidangan legislatif sebenar.

Perbincangan yang berlangsung mencerminkan kefahaman mendalam para peserta terhadap isu-isu semasa negeri, keperluan rakyat serta cabaran pentadbiran, sekali gus memperlihatkan keupayaan belia untuk terlibat secara konstruktif dalam wacana dasar.

Sesi Pengguguran

Seterusnya, Sesi Pengguguran memberi ruang kepada barisan kepimpinan Sidang Muda dan pembentang usul untuk merumuskan perbincangan, menjawab isu yang dibangkitkan serta memperjelas pendirian terhadap cadangan yang dikemukakan.

Sesi ini menonjolkan kematangan kepimpinan Ahli Sidang Muda dalam membuat penilaian menyeluruh terhadap pandangan yang dibincangkan, di samping memperlihatkan keupayaan mereka mengimbangi idealisme belia dengan realiti pentadbiran. Proses pengguguran yang teratur dan berfokus ini menjadi penutup yang signifikan kepada sesi perbincangan, sekaligus mencerminkan kefahaman peserta terhadap amalan demokrasi yang matang dan bertanggungjawab.



Sesi Perbahasan Usul

Sesi Perbahasan Usul pula menjadi platform utama bagi Ahli Sidang Muda mengemukakan cadangan, pandangan serta solusi terhadap pelbagai isu berkepentingan awam yang dekat dengan kehidupan masyarakat. Usul-usul yang dibahaskan telah dirangka secara tersusun, berfakta dan berpaksikan realiti semasa hasil bimbingan berterusan daripada barisan EXCO Kerajaan Negeri serta modul latihan yang telah diperkemas.

Perbahasan berlangsung dalam suasana dinamik, dengan hujah balas, sokongan dan kritikan membina yang mencerminkan keupayaan peserta mengaplikasikan pemikiran kritis, kemahiran komunikasi serta etika persidangan yang tinggi. Sidang ini jelas membuktikan bahawa Sidang Muda bukan sekadar simulasi, tetapi sebuah medan latihan sebenar bagi melahirkan pemimpin muda yang mampu berfikir secara strategik dan berani menyuarakan pendirian.



Majlis Penutupan

Majlis Penutupan Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah berlangsung di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 23 November 2025, dan disempurnakan dengan ucapan amanat oleh YB Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa peningkatan penyertaan belia membuktikan keyakinan terhadap platform kepimpinan yang disediakan oleh kerajaan negeri, di samping menunjukkan minat belia terhadap politik dasar secara lebih matang.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YB Puan Phee Syn Tze, ADUN Sungai Puyu merangkap ahli Jawatankuasa Petugas Sidang Muda 2025, YB Dato' Azrul Mahathir Aziz, Datuk Bandar MBPP Dato' Ir. A. Rajendran, barisan Ahli Majlis PBT, Ahli Lembaga Pengarah PYDC, wakil agensi kerajaan serta pemimpin belia negeri. Secara keseluruhannya, Sidang Muda Pulau Pinang 2025 telah berjaya menyemarakkan semangat kepimpinan belia, memperkukuh literasi demokrasi dan melahirkan generasi muda yang bersedia memikul amanah kepimpinan negeri dan negara pada masa hadapan.





BARISAN AHLI SIDA PULAU PINANG 202



03

ANG MUDA
25

N01 PENAGA

Vikneshwary A/P John De Cruz **Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025**



Beliau merupakan graduan dalam bidang Kejuruteraan Mekanik yang aktif dalam kepimpinan dan aktiviti kemasyarakatan. Berkhidmat sebagai Presiden Biro Wanita Persatuan Insan Mulia Murni (Dare to Care) serta Setiausaha Negeri Kelab Bell Belia Tamil, beliau komited memperkasakan wanita dan belia melalui pelbagai program kebajikan serta pembangunan sosial.

Selain itu, beliau juga merupakan ahli Garuda Football Club, menunjukkan minat beliau terhadap gaya hidup sihat dan semangat berpasukan. Keperibadian dan kecemerlangan beliau turut terserlah apabila dinobatkan sebagai Naib Johan Miss Indian Malaysia 2022, mencerminkan keseimbangan antara kecantikan, intelektual dan kepimpinan.

N02 BERTAM

Joseph Lim Zhi Xun **Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025**



Semasa di bangku sekolah menengah, beliau aktif dalam pelbagai aktiviti sekolah dan menonjolkan potensi kepimpinan yang cemerlang. Pada usia 17 tahun, beliau menubuhkan Movie & Film Society bagi membimbing rakan-rakan dalam asas penggambaran dan penyuntingan, selaras dengan minatnya terhadap peranan media baharu, selain aktif menganjurkan program belia.

Selepas tamat pengajian menengah, beliau memperoleh biasiswa penuh untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Pengurusan Logistik di China. Kini, beliau berkhidmat di Airpak Express (Butterworth) Sdn. Bhd. dan terus membina kerjaya profesional dalam bidang logistik.

N03 PINANG TUNGGAL

Muhammad Amirul Ashraf **Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025**



Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Telekomunikasi dari Universiti Kuala Lumpur ini kini mengusahakan perniagaan pemasangan serta pendawaian kabel fiber, dengan kepakaran dalam kerja-kerja teknikal dan penyelesaian rangkaian. Selain bergerak dalam bidang profesional, beliau turut aktif menyertai pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan yang dianggotainya.

Beliau memegang portfolio sebagai Penolong Setiausaha dalam GAPEIM, sebuah NGO gabungan yang menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan di Pulau Pinang. Peranan ini membolehkan beliau terlibat secara langsung dalam pengurusan organisasi, penyelarasan program serta usaha memperkukuh hubungan komuniti.

N04 PERMATANG BERANGAN

Muhammad Nurhakim Bin Abu Zaz

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Sepanjang pengajian, beliau aktif dalam pelbagai program universiti yang membentuk kemahiran kepimpinan dan komunikasi, termasuk berkhidmat sebagai Pengarah Program Sukan Antara Fakulti dan Timbalan Pengarah Program Le Tour De IPT. Beliau juga terlibat dalam kerja kesukarelawanan bersama Penang Youth Development Corporation (PYDC), sekali gus melayakkan beliau menerima Anugerah Tokoh Siswa Kluster Sukan peringkat universiti.

Kini, beliau berkhidmat sebagai Jurutera Kualiti di sebuah syarikat antarabangsa, terlibat dalam penambahbaikan proses pengeluaran serta jaminan kualiti produk.

N05 SUNGAI DUA

Dr. Mohd Syarull Azlan Bin Yaakub

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Dr. Mohd Syarull Azlan bin Yaakub merupakan Guru Cemerlang di Kolej Vokasional dan berkelulusan Doktor Pendidikan (EdD) dari Universiti Sains Malaysia (USM), serta memiliki Ijazah Sarjana dan Sarjana Muda dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Sejak mula berkhidmat pada tahun 2016, beliau aktif dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional, khususnya Rekabentuk Grafik dan Teknologi Media Cetak, serta mempelopori pengajaran berasaskan digital.

Beliau turut terlibat dalam program kebangsaan dan antarabangsa serta pernah menerima Anugerah Guru Inovatif Individu Lepas Menengah 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Dedikasi dan pemikiran progresif beliau menjadikan beliau antara tokoh pendidik muda yang berpotensi besar menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara.

N06 TELOK AYER TAWAR

Cheah Seng Sing

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan pegawai seranta di ADUN Komtar dengan pengalaman hampir dua tahun. Berkelulusan ijazah pengkhususan ganda dalam Pengurusan Perniagaan dan Pemasaran dari University College KDU, beliau memiliki asas kukuh dalam pengurusan serta pemasaran, di samping aktif sebagai Penolong Bendahari GBBM Timur Laut dan Timbalan Pengerusi Esports Tanjong.

Selain kerjaya profesional, beliau turut aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dan komuniti sebagai Setiausaha Komuniti Madani Thean Teik. Penglibatan ini mencerminkan komitmen serta keupayaan kepimpinannya dalam memperkukuh pembangunan masyarakat setempat.

N07 SUNGAI PUYU

Khoo Wing Keat

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan Ketua Program dan pensyarah di School of Business Management dengan pengalaman dalam pengajaran, penyelidikan dan pembangunan akademik. Pada masa sama, beliau sedang melanjutkan pengajian PhD di Asia Metropolitan University dalam bidang pengurusan.

Di luar akademik, beliau aktif dalam kerja komuniti dan NGO sebagai Naib Pengerusi Persatuan Buddhist Belia Malaysia Negeri Kedah serta Setiausaha Kawasan Rumah Tetangga Taman Terubong Indah, terlibat dalam program pembangunan belia dan pengukuhan hubungan komuniti setempat.

N08 BAGAN JERMAL

Nur Muhammad Imanduddin Bin Che Noor

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Saya merupakan pemimpin muda aktif dalam pembangunan dan kebajikan belia di Pulau Pinang, memegang jawatan sebagai Ahli Dewan Tertinggi Majlis Belia Negeri, Exco MAYC Negeri, Pengerusi MAYC Parlimen Permatang Pauh dan Pengerusi Jawatankuasa Belia DUN N10 Seberang Jaya. Dalam peranan ini, saya terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif belia, kemasyarakatan dan kesukarelawanan.

Berkelulusan dalam Teknologi Maklumat (ICT), saya menggabungkan kepakaran digital dan pengalaman kepimpinan untuk merangka program progresif. Saya komited menjadi penggerak pembangunan komuniti, ekonomi belia dan perpaduan sosial di Seberang Jaya dan seluruh Pulau Pinang.

N09 BAGAN DALAM

Muhammad Afiq Bin Yusuff

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Kini saya berkhidmat sebagai Business Development Executive di GPEX Central Sdn Bhd dalam industri pendidikan. Saya graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan diploma Perdagangan Antarabangsa dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Sepanjang pengajian, saya aktif dalam Kelab Perdagangan UMK dan UMK Student Buddies, memegang jawatan Yang Di-Pertua, Naib Yang Di-Pertua dan Exco Sukan & Kebudayaan. Saya juga menerima Anugerah Naib Canselor sempena Sidang Konvokesyen UMK Ke-14 bagi pengiktirafan akademik dan kepimpinan.

N10 SEBERANG JAYA

Tan Zhe Cong

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Tan Zhe Cong merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia Industri dari Universiti Malaysia Sabah. Sepanjang pengajian, beliau aktif dalam kepimpinan mahasiswa, termasuk sebagai Timbalan Presiden Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains dan Teknologi, Sekreteriat Majlis Perwakilan Pelajar UMS, serta Pengarah program seperti Career Fair dan Pesta Tiong Hua UMS.

Beliau juga giat dalam aktiviti kesukarelawanan di peringkat universiti dan negeri, antaranya ASEAN Senior Economic Officials' Meeting 2/56, MyFM Big Show Concert, dan Penang Youth Development Corporation (PYDC). Gabungan akademik, kepimpinan dan kesukarelawanan menjadikan beliau seorang individu komited, proaktif dan berdaya saing.

N11 PERMATANG PASIR

Muhammad Shahrull Irfan Bin Md Shukri

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) Universiti Utara Malaysia dan penerima Biasiswa Undang-undang Karpal Singh. Kini beliau memegang jawatan Setiausaha Pertandingan Debat Perdana Integriti Piala Perdana Menteri (DPIPPM 2025), mencerminkan komitmen terhadap wacana intelektual dan integriti nasional.

Beliau meraih pelbagai pengiktirafan termasuk Pendebat Terbaik MB Selangor 2024, Top 10 Best Speaker Debat Malaya 2025, dan Tokoh Siswa Badan Pelajar Terbaik UUM 2025. Aktif dalam kepimpinan pelajar, beliau juga Setiausaha Kelab Pengucapan Awam dan penerima Anugerah Bestari Asasi 2024.

N12 PENANTI

Saw Shi Yang

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan pelajar undang-undang Tahun 1 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak. Pernah menjawat Biro Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di Kolej Matrikulasi; Pengerusi Kelab Renang sebagai atlet renang dan Lembaga Pustakawan waktu sekolah, dianugerahkan Outstanding Graduate sekolah.

Bergiat aktif dalam aktiviti belia dan kesukarelawanan di Pulau Pinang dan merupakan pemegang perak dan gangsa dalam Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. Menjawat Penolong Bendahari dalam kelab belia: menguruskan dan menganjurkan aktiviti kebudayaan, kesukarelawanan dan aktiviti lasak.

N13 BERAPIT

Lim Boon Kang

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan pelajar undang-undang Tahun 1 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak. Pernah menjawat Biro Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di Kolej Matrikulasi; Pengerusi Kelab Renang sebagai atlet renang dan Lembaga Pustakawan waktu sekolah, dianugerahkan Outstanding Graduate sekolah.

Bergiat aktif dalam aktiviti belia dan kesukarelawanan di Pulau Pinang dan merupakan pemegang perak dan gangsa dalam Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. Menjawat Penolong Bendahari dalam kelab belia: menguruskan dan menganjurkan aktiviti kebudayaan, kesukarelawanan dan aktiviti lasak.

N14 MACHANG BUBUK

Mohamad Naquiddin Mohd Noor

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau memiliki latar belakang akademik dalam Pengajian Polisi, memberi penekanan kepada dasar awam, tadbir urus, keselamatan, analisis polisi dan pembangunan sosial, yang membentuk asas kukuh dalam memahami keperluan masyarakat serta proses pembentukan dasar.

Beliau aktif sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) di peringkat nasional dan memimpin organisasi belia di peringkat kawasan, terlibat dalam perancangan program pembangunan sahsiah, kepimpinan, komuniti dan kebajikan. Penglibatan ini merangkumi strategi belia, pentadbiran organisasi dan memperkukuh jaringan kerjasama antara negeri serta pihak berkepentingan.

N15 PADANG LALANG

Kovalan A/L Perbu

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Merupakan bekas pelajar Kolej Cosmopoint Pulau Pinang. Memegang jawatan sebagai Sport and recreation chief di Majlis Perwakilan Pelajar.

Saya juga merupakan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang Dun BERTAM Selama 2 penggal. Biasa menganjurkan pelbagai program. Contohnya, Futsal tournament Piala Belia Dun BERTAM, Aircond service Dan lain-lain lagi.

Dalam Dunia politik, memegang jawatan sebagai NAIB Ketua Pemuda Dapsy Kepala Batas Dan ahli Jawatankuasa MPKK Selama 2 penggal bagi permatang serdang Dan Kampung Bertam.ness Challenge 2024 dan Bursa Inter-Varsity Stock Challenge 2023.

N16 PERAI

Tan Lit Voon

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau seorang pendidik yang aktif dalam pembangunan belia dan kepimpinan komuniti, memegang jawatan Pengerusi Kelab Belia Cergas Permatang Tinggi dan Penyelaras TASKAL di SJKC Chong Teik, serta berkhidmat sebagai Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Balik Pulau.

Di peringkat nasional, beliau dilantik sebagai Ahli Lantikan Menteri 2025–2026 dan menerima pelbagai anugerah berprestij termasuk The Duke of Edinburgh's International Award (Gold), Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara dan Anugerah Khidmat Bakti Mutiara, mencerminkan dedikasi beliau dalam pendidikan, kesukarelawanan dan kepimpinan belia.

N17 BUKIT TENGAH

Muhammad Airey Bin Mohd Rayme

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau seorang pelajar berwibawa dan berdisiplin tinggi di High School Bukit Mertajam (HSBM), aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dan kerap dijemput memberi perkongsian motivasi kepada anak muda di sekolah serta komuniti.

Sebagai Pengerusi Badan Kebajikan Tingkatan Enam (BAKTIE), beliau menunjukkan kepimpinan unggul dan mewakili HSBM dalam program negeri dan kebangsaan. Atas pencapaian ini, beliau menerima Anugerah Pelajar Terbaik, Pelajar Serba Boleh dan Pelajar Cemerlang, menjadi inspirasi kepada rakan-rakan.

N18 BUKIT TAMBUN

Mohamad Akashah Bin Mohd Shukor

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, fokus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya negara. Beliau aktif dalam Kelab Warisan Budaya sebagai Ketua Exco Keusahawanan dan terlibat dalam politik mahasiswa melalui Parti Legasi Mahasiswa serta UMNOSiswaUMK sebagai Ketua Penerangan.

Di peringkat kawasan, beliau berkecimpung dalam NGO belia, Gerakan Belia 4B (M) Kawasan Permatang Pauh, sebagai Naib Pengerusi Gerak Remaja. Penglibatan ini mencerminkan komitmen beliau dalam pembangunan belia dan kepimpinan komuniti.

N19 JAWI

Saiful Muaz Bin Saiful Reza

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Saiful Muaz Bin Saiful Reza merupakan pelajar Kolej Matrikulasi Pulau Pinang yang aktif dalam kepimpinan dan pembangunan belia, berkhidmat sebagai Pegawai Seranta Sementara di Pejabat Penyelaras KADUN Penanti dan terlibat dalam Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej (2024/2025).

Kini beliau Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025, memegang jawatan dalam MPBN, Exco Majlis Belia Daerah Seberang Perai Tengah, dan GPMS Negeri. Dalam khidmat masyarakat, beliau Ketua Biro Pengkaderan & Latihan AMK Negeri, Setiausaha AMK Permatang Pauh, serta sukarelawan PYDC, Skuad AADK dan Skuad Madani. Beliau menerima Anugerah Pemimpin Masa Hadapan GPMS 2024 dan Anugerah Sukarelawan Prihatin Belia 2025.

N20 SUNGAI BAKAP

Ong Ping Yi

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Saya merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan di Universiti Malaya, dengan minat mendalam dalam bidang pengurusan kewangan dan pembangunan diri. Sebelum ini, saya menuntut di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang dan pernah berkhidmat sebagai Naib Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), di mana saya terlibat dalam merancang dan melaksanakan program kepimpinan serta aktiviti pelajar.

Saya dikenali sebagai individu yang rajin, berdisiplin dan sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran diri dalam akademik, kepimpinan dan pembangunan peribadi, dengan tekad untuk memberi sumbangan positif kepada komuniti dan rakan sebaya.

N21 SUNGAI ACHEH

Muhammad Faris Bin Mohd Salmi

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau kini pelajar Sains Kemasyarakatan di Universiti Sains Malaysia (USM) dan sebelum ini menuntut di UiTM, menjunjung tinggi nilai tanggungjawab dalam kepimpinan.

Beliau pernah menjadi Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Kedah (2023/2024) dan aktif dalam tadbir urus, advokasi serta pembangunan kepimpinan. Kini, beliau terlibat dalam program kesukarelawanan di Pulau Pinang dan peringkat kebangsaan, serta dianugerahkan pelajar cemerlang SPM atas usaha mewujudkan pelbagai inisiatif komuniti dan pelajar.

N22 TANJONG BUNGA

Hafiz Bin Abdullah Sima

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan Guru Cemerlang Bahasa Cina dan fasilitator Projek The Teacher-led Learning Circles for Formative Assessment (T3LFA) yang melibatkan guru dari tujuh negara.

Semasa pengajian di Beijing Foreign Studies University (BFSU), beliau dijemput sebagai Panelist Khas mewakili pelajar warga asing membincangkan "China Dream" dan dinobatkan Pendebat Terbaik Pertandingan Debat Pelajar Warga Asing Provinsi Beijing-Hebei-Tianjin. Beliau juga menjadi warga Malaysia pertama menerima Anugerah Khas Sumbangan Sosial dan mewakili pelajar menyampaikan ucapan semasa Majlis Konvokesyen BFSU.

N23 AIR PUTIH

Muhammad Afiq Bin Abdul Raof

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau kini berkhidmat sebagai Pembantu Penyelidik dalam bidang Undang-Undang Perbankan dan Kewangan Islam di Universiti Malaya, graduan Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dari universiti yang sama. Sepanjang pengajian, beliau pernah memimpin Persatuan Belia Harmoni UM sebagai Presiden, serta terlibat dalam proses demokrasi kampus sebagai Wakil Kongres Mahasiswa dan ahli Majlis Tertinggi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus (UMCEC).

Beliau juga mendalami pemikiran dan falsafah sebagai Felo Penyelidik di School of Islamic Thought Malaysia (SKIL). Dilahirkan di Pulau Pinang tetapi dibesarkan di perantauan, beliau kembali ke negeri kelahiran untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat setempat dan mengenali bakat-bakat tempatan.

N24 KEBUN BUNGA

Yaw Yi Chien

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan graduan Industri Kimia dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), aktif dalam kelab seni dan kebudayaan serta persembahan tarian tradisional dan lakonan.

Kini berkhidmat sebagai Jurutera Latihan Teknikal di Intel Malaysia, membantu pembangunan kemahiran teknikal tenaga kerja dan aktif dalam aktiviti komuniti serta kesukarelawanan. Beliau pernah menerima Highest Award for Achievement daripada Dale Carnegie atas kecemerlangan kepimpinan dan komunikasi, mencerminkan dedikasi, daya saing dan wawasan sebagai pemimpin muda.

N25 PULAU TIKUS

Azfar Al Hafiz Bin Azman

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang teknologi makanan dan dilantik sebagai Presiden Ikatan Legasi Mahasiswa Ulul Albab Nasional (ILMUAN) bagi penggal 2025/2027, aktif dalam gerakan aktivisme mahasiswa.

Seorang hafiz Al-Quran, beliau menggunakan kemahiran pengucapan awam sebagai Exco Dakwah dan Perpaduan PMIUSM, termasuk menjadi Pengarah Projek Islam itu Indah dan menjuarai MTHQ Hulu Selangor 2025. Beliau juga cemerlang dalam perdebatan, memenangi naib johan Debat Piala Naib Canselor USM 2025, serta mengendalikan Jabatan Kebajikan Minggu Siswa Lestari 2025/2026.

N26 PADANG KOTA

Karma Hakim Bin Luk'Man

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Sedang berkhidmat di Penang Women's Development Corporation sebagai Pegawai Program Bahagian Keterangkuman Gender, merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dari Universiti Malaysia Terengganu.

Sekarang masih melibatkan diri dalam NGO iaitu Pertubuhan Ikatan Perpaduan Anak Pulau Pinang sebagai Penolong Setiausaha. Selain itu juga merupakan Timbalan Pengurus dalam Red Consultant Group. Bergiat aktif dalam kesukarelawanan dan merupakan Alumni Yayasan Sukarelawan Siswa mewakili Malaysia dalam misi GSVC Vietnam 2019 dan Misi Sabah 2022.

N27 PENGKALAN KOTA

Shives Muniswaran

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Shives Muniswaran, 19 tahun, sedang mengikuti Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Beliau aktif dalam kepimpinan dan kemasyarakatan, pernah menjawat Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Ketua Exco Kepimpinan Angkatan Belia MFLS Kedah.

Sebagai alumni Malaysia Future Leader School (MFLS) Tier 3, beliau juga pernah menyertai Misi Bantuan Banjir Sarawak 2024 sebagai sukarelawan. Fasih dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Tamil, Shives memiliki kemahiran teknikal dalam diagnostik dan pembaikan sistem mekanikal serta elektrik, serta berpegang kepada nilai tanggungjawab, disiplin dan sumbangan kepada masyarakat.

N28 KOMTAR

Muhamad Ridzuan Bin Muhamad Yusop Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Merupakan seorang pereka grafik di sebuah syarikat SMS. Berkelulusan dalam Ijazah sarjana muda kreatif multimedia (interaktif media)(kepujian) di universiti islam Selangor. Diperingkat universiti pernah melibatkan diri dalam beberapa persatuan dan program serta pernah menjadi pengarah mahupun setiausaha program dan koordinator majlis konvokesyen

Kini menjawat jawatan sebagai setiausaha Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan seberang jaya dan pernah melibatkan diri sebagai sukarelawan Sea Game Kuala Lumpur 2017.

N29 DATOK KERAMAT

Chan Ting Kai Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), penerima Pingat Emas Naib Canselor dan aktif dalam sukan seperti badminton serta larian jarak sederhana, membentuk peribadi disiplin dan berprinsip.

Kini melanjutkan MBA di Universiti Sains Malaysia (USM) dan berkhidmat sebagai Pegawai Khas Ahli Parlimen Bukit Mertajam, terlibat dalam dasar sosial, pembangunan komuniti dan program kebajikan. Beliau juga Pengarah Pendidikan Politik Sosialis Muda (DAPSY) Bukit Mertajam, memupuk kesedaran politik dan kepimpinan generasi muda.

N30 SUNGAI PINANG

Siti Sarah Binti Jamil Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan Pegawai Program di sebuah syarikat kerajaan negeri, melaksanakan inisiatif pembangunan inklusif untuk wanita, OKU, warga emas dan komuniti terpinggir. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Sains dan Teknologi (Universiti Malaya) dan Sarjana Sains Bandar & Komuniti Lestari (USM).

Aktif dalam kepimpinan pelajar, motivasi belia dan sukarelawan masyarakat, beliau juga menyertai program antarabangsa di Universiti Brunei Darussalam dan University of Social Sciences and Humanities, Vietnam. Berpengalaman dalam penyelidikan dasar kelestarian alam dan pendidikan tinggi, kini beliau fasilitator pelajar tercicir dan anak yatim bagi pembangunan sosial berterusan.

N31 BATU LANCHANG

Sasireka Lagavambulian

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau seorang pendidik berdedikasi dan kini Head of Programme di Sentral College Penang, berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Sains Malaysia (USM) serta aktif dalam pendidikan dan pembangunan belia.

Semasa pengajian, beliau Naib Pengerusi Debate & Public Speaking Club, membina kemahiran komunikasi dan kepimpinan. Kini, beliau menumpukan pembangunan kemahiran insaniah pelajar, integrasi digital dalam perakaunan, dan pernah membentangkan kertas kerja di persidangan antarabangsa. Visi beliau ialah melahirkan generasi muda berpengetahuan, berkemahiran dan progresif.

N32 SERI DELIMA

Hanis Ameera Binti Hafiz

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Hanis Ameera binti Hafiz, 18 tahun, lahir pada 26 April 2007, berasal dari Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Kini mengikuti pengajian di Pusat Asasi UiTM Dengkil, jurusan Undang-undang, dengan cita-cita menjadi seorang peguam litigasi sivil. Sebelum ini menuntut di Sekolah Menengah Sains Kepala Batas, aktif dalam kepimpinan dan aktiviti kokurikulum.

Sepanjang sekolah, pernah memegang jawatan Presiden Pengawas Pusat Sumber dan Ketua Pasukan Bahas Bahasa Melayu 2024. Dalam bidang perbahasan dan pertandingan akademik, memenangi tempat ketiga Bahas Ala Parlimen peringkat kebangsaan (2023), menyertai Piala Perdana Menteri peringkat kebangsaan (2022 & 2023), dan muncul sebagai Johan Piala Perdana Menteri Zon Utara (2023).

N33 AIR ITAM

Mohamad Zulhadzrey Bin Mohamad Fahimi

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau merupakan mahasiswa Tahun Ketiga Universiti Malaya dalam jurusan Pengajian Antarabangsa dan Strategik, dengan minat mendalam dalam politik domestik dan antarabangsa, sentiasa proaktif dan cakna perkembangan semasa.

Beliau aktif dalam persatuan, pernah menjadi Pengarah Debat Terbuka Astar dan Ahli Majlis Tertinggi KMUM Fakulti Sastera & Sains Sosial (2024/2025). Penerima biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Green Ambassador Award di Universiti Tianjin, China, atas pembentangan terbaik dalam program Green X Lab.

N34 PAYA TERUBONG

Mohamad Irfan Afiq Bin Mohamad Izhar

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Merupakan graduan Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), komited dalam kepimpinan, advokasi pelajar dan pembangunan belia, serta aktif dalam persatuan belia negeri.

Pernah memegang jawatan seperti Tuan Yang Di-Pertua Kongres Rundingan Mahasiswa UMT, Yang Di-Pertua Majlis Sukan Pelajar, Presiden Kelab Esports UMT dan Naib Presiden Persatuan Mahasiswa Pulau Pinang. Kini Pengerusi Tetap Gerakan Belia 4B Bahagian Kepala Batas dan pernah memimpin program kebangsaan serta antarabangsa, selain Finalis Ikon Siswa (Kluster Sukan) UMT.

N35 BATU UBAN

Muhammad Izzaiman Nabihan Bin A.Majid

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sains Politik) dari Universiti Sains Malaysia. Sepanjang tempoh pengajian, terlibat secara aktif dalam aktiviti kepimpinan dan kesukarelawan di peringkat universiti. Pernah menjawat jawatan sebagai Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan memainkan peranan penting dalam merancang serta melaksanakan pelbagai program pembangunan pelajar dan komuniti.

Kini bergiat aktif sebagai aktivis belia di bawah Gerakan Belia 4B Kawasan Kepala Batas, dengan fokus terhadap pembangunan belia, kepimpinan komuniti, dan kerja kemasyarakatan.

N36 PANTAI JEREJAK

Muhammad Irfan Bin Nazri

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Merupakan pelajar prauniversiti dari Pulau Pinang yang aktif dalam kepimpinan belia dan advokasi dasar anak muda, kini berkhidmat sebagai Pengarah Kongres Prauniversiti MADANI Pulau Pinang untuk memperkasakan suara pelajar.

Sebagai Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025, beliau mendalami proses legislatif, diplomasi dan dasar awam. Minat terhadap diplomasi global terserlah melalui penyertaan di World Food Forum 2025, Rome dan Digital Horizons Forum, India, membolehkan beliau memahami isu global seperti sekuriti makanan, transformasi digital dan pembangunan mampan.

N37 BATU MAUNG

Muhammad Faizul Nazrul Bin Hamzah **Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025**



Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sepanjang pengajian, saya telah menerima pelbagai pengiktirafan termasuk Anugerah Keterampilan Pelajar (Anugerah Pemimpin Kelab & Persatuan), Caliphs Professional Ulul Albab Award, serta Silver Award dalam Ulul Albab Innovation, Competition and Exhibition melalui pembangunan Model Ikxes Ulul Albab.

Dalam aspek kepimpinan dan pembangunan diri, saya pernah dinobatkan sebagai Johan Misi Pencarian Ikon Ulul Albab 3.0 serta memegang tanggungjawab sebagai Penyelaras Projek Kembara Ilmu, sebuah inisiatif yang memberi akses pendidikan percuma kepada masyarakat.

N38 BAYAN LEPAS

Muhammad Aidil Asri Bin Ibrahim **Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025**



Merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), aktif dalam kepimpinan pelajar dan sosial sejak matrikulasi.

Pernah menjadi Naib Yang Dipertua 1 Persatuan Mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (PMFEP 2024/2025), Biro Kebajikan JPP Matrikulasi Kolej Mara Kuala Nerang (2022/2023), dan kini Majlis Pimpinan Pusat Mahasiswa Keadilan Rakyat (2025/2026). Sepanjang di UKM, saya mengetuai empat program utama fakulti serta memegang pelbagai jawatan Majlis Tertinggi dalam program universiti.

N39 PULAU BETONG

Joshua A/ L Domnic **Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025**



Merupakan pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan yang komited dalam akademik, kepimpinan dan khidmat masyarakat. Sebelum ini menamatkan pengajian diploma, kini meneruskan pengajian untuk memperkukuh kemahiran pentadbiran dan pengurusan organisasi.

Sedang berkhidmat sebagai Pegawai Seranta di Pejabat ADUN Bagan Dalam dan memegang jawatan dalam politik serta organisasi belia seperti Naib Pengerusi Cawangan PA Abu DAP, Pengarah Politik Bagan DAP dan Bendahari JBPP. Perjalanan khidmat masyarakat bermula di Persatuan Kebajikan India Bagan, membentuk kepimpinan berintegriti dan semangat memperkasa generasi muda Pulau Pinang.

N40 TELOK BAHANG

Baavatharani A/P Chandran

Ahli Sidang Muda Pulau Pinang 2025



Beliau graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sumber Asli) dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan kini berkhidmat di universiti yang sama, aktif dalam kepimpinan, advokasi pemerksaan wanita, pembangunan belia serta komunikasi sains di peringkat universiti, negeri dan antarabangsa.

Antara jawatan pernah dipegang ialah Yang Di-Pertua MPP UMK Kampus Jeli, Naib Presiden MIYC Bukit Mertajam, dan Eksekutif Sumber Manusia G17 University Ambassador Consortium. Beliau mengetuai program STEM, aktif dalam komuniti dan kesukarelawanan, serta menerima pelbagai anugerah antarabangsa, termasuk Jane Goodall's Roots & Shoots, Pingat Emas UNESCO dan menjadi Panel Speaker forum antarabangsa.



Pengenalan Ahli Sidang Muda adalah tepat pada tahun tersebut.



**MUHAMMAD NURHAKIM
BIN ABU ZAZ**
N04 PERMATANG
BERANGAN

**DR MOHD SYARULL
AZLAN BIN YAAKUB**
N05 SUNGAI DUA

**KARMA HAKIM
BIN LUK'MAN**
N26 PADANG KOTA

**MUHAMMAD FAIZUL
NAZRUL BIN HAMZAH**
N37 BATU MAUNG

SITI SARAH BINTI JAMIL
N30 SUNGAI PINANG

MUHAMMAD A/L DOMNIC
N39 PULAU BETONG

**VIKNEHWARY A/P
JOHN DE CRUZ**
N01 PENAGA

CHAN TING KAI
N29 DATOK KERAMAT

**MUHAMMAD FARIS
BIN MOHD SALMI**
N21 SUNGAI ACHEH

**SAIFUL MUAZ
BIN SAIFUL REZA**
N19 JAWI

ONG PING YI
N20 SUNGAI BAKAP

**MUHAMMAD AMIRUL
ASYRAF**
N03 PINANG TUNGGAL

**MUHAMMAD IRFAN
BIN NAZRI**
N36 PANTAI JEREJAK

**HAFIZ BIN
ABDULLAH SIMA**
N22 TANJONG BUNGA

TAN LIT YOON
N16 PERAI

KHOO WING KEAT
N07 SUNGAI PUYU

CHEAH SENG SING
N06 TELOK AYER TAWAR

**MUHAMMAD IRFAN AFIQ
BIN MOHAMAD IZHAR**
N34 PAYA TERUBONG

**MUHAMMAD AFIQ
BIN YUSUFF**
N09 BAGAN DALAM

KOVALAN A/L PERBU
N15 PADANG LALANG

YAW YI CHIEN
N24 KEBUN BUNGA

**MUHAMMAD SHAHRULL
IRFAN BIN MD SHUKRI**
N11 PERMATANG PASIR

**MUHAMMAD IRFAN AFIQ
BIN MOHAMAD IZHAR**
N34 PAYA TERUBONG

**MUHAMMAD AFIQ
BIN ABDUL RAOF**
N23 AIR PUTIH

**MUHAMMAD IZZAIMAN
NABIHAN BIN A.MAJID**
N35 BATU LUBAN

**AZAFAR AL HAFIZ
BIN AZMAN**
N25 PULAU TIKUS

TAN ZHE CONG
N10 SEBERANG JAYA

**MUHAMMAD RIDZUAN
BIN MUHAMAD YUSOP**
N28 KOMTAR

**MUHAMMAD NAQUIDDIN
BIN MOHD NOOR**
N14 MACHANG BUBOK

**MUHAMMAD AIDIL ASRI
IBRAHIM**
N38 BAYAN LEPAS

**NUR MUHAMMAD
IMANUDDIN BIN CHE NOOR**
N08 BAGAN JERMAL

**MUHAMMAD AKASHAH
BIN MOHD SHUKOR**
N18 BUKIT TAMBUN

JOSEPH LIM ZHI XUN
N02 BERTAM

**MUHAMMAD NAQUIDDIN
BIN MOHD NOOR**
N14 MACHANG BUBOK

**MUHAMMAD IZZAIMAN
NABIHAN BIN A.MAJID**
N35 BATU LUBAN

SHIVES MUNISWARAN
N27 PENGKALAN KOTA

**MOHAMAD ZULHADZREY BIN
MOHAMAD FAHIMI**
N33 AIR ITAM

**MUHAMMAD AIREY
BIN MOHD RAYME**
N17 BUKIT TENGAH

LIM BOON KANG
N13 BERAPIT

**MUHAMMAD NAQUIDDIN
BIN MOHD NOOR**
N14 MACHANG BUBOK

**MOHAMAD ZULHADZREY BIN
MOHAMAD FAHIMI**
N33 AIR ITAM

**SASIREKA A/P
LAGAVAMBULIAN**
N31 BATU LANCHANG

**MUHAMMAD AIREY
BIN MOHD RAYME**
N17 BUKIT TENGAH

LIM BOON KANG
N13 BERAPIT

**MUHAMMAD NAQUIDDIN
BIN MOHD NOOR**
N14 MACHANG BUBOK

**SETIAUSAHA
DUN**

**TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN
YB. DATO' AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**



SEKALUNG

PENGHARGAAN KEPADA

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

YB Dato' Seri Law Choo Kiang

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

YB Dato' Azrul Mahathir Bin Aziz

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen

EXCO Belia, Sukan & Kesihatan

YB Dato' Hj Rashidi Bin Zinol

EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan Dan Luar Bandar

YB Tuan Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif

YB Tuan Jason H'ng Mooi Lye

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar

YB Tuan Fahmi Bin Zainol

EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan Koperasi

YB Puan Syerleena Abdul Rashid Ahli Parlimen Bukit Bendera

YB Tuan Gooi Hsiao Leung ADUN Bukit Tengah

YB Puan Connie Tan Hooi Peng ADUN Seri Delima

YB Tuan Joshua Woo Sze Zeng ADUN Pulau Tikus

Encik Benji Ang Ming Quan Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Puan Aimy Lee Ketua Pegawai Operasi Penang Science Cluster (PSC)

Encik Mozakir Bin Buyong Mokhtar

Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang

Pejabat Parlimen Malaysia

Pejabat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang

Alumni Sidang Muda Pulau Pinang



Lawatan ke Parlimen Malaysia

YB Dr. Mohammed Taufiq bin Johari Menteri Belia dan Sukan

YB Tuan Sim Chee Keong Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah Ahli Parlimen Paya Besar

YB Tuan Syahredzan bin Johan Ahli Parlimen Bangi

YB Puan Young Syefura binti Othman Ahli Parlimen Bentong

YB Tuan Lee Chuan How Ahli Parlimen Ipoh Timor

Jawatankuasa Petugas Sidang Muda Pulau Pinang 2025

Penaung:

YB Dato' Seri Law Choo Kiang

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Penasihat:

YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan & Kesihatan

Pengerusi:

YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam ADUN Batu Uban

Ahli Jawatankuasa:

YB Puan Phee Syn Tze ADUN Sungai Puyu

Encik Ahmad Zaki Shah Bin Shah Headan PPK Telok Bahang

Encik Mohd Khairul Bin Mohd Ali Ahli Majlis MBPP

Encik Chong Wei Hoong Ahli Majlis MBSP

Encik Muhammad Zakwan Bin Mustafa Kamal Ahli Lembaga Pengarah PYDC

Encik Mohd Fadzli Bin Roslan Mantan Ahli Lembaga Pengarah PYDC

Cik Natrah Binti Esa Pegawai Belia dan Sukan Daerah SPU

SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2025



SIDANG MUDA
PULAU PINANG



SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2025



DEMOKRASI · AKTIVISME · GOVERNAN



**PERBADANAN PEMBANGUNAN
BELIA PULAU PINANG**

8-03-09, Sunny Point Complex
Kampung Batu Uban
11700 Gelugor, Pulau Pinang

+6012-401 0186
<https://www.pydc.com.my>

SIDANG MUDA PULAU PINANG TAHUN 2025
ISBN 978-967-26747-5-7



9 789672 674757
PYDC Strategies Sdn Bhd

